

# Kerjasama kaji industri minyak sawit mampan

**KUALA LUMPUR:** JGC Holdings Corporation dan Japan NUS (JANUS) memeterai memorandum persefahaman dengan Gas Malaysia Bhd bagi kajian bersama pembangunan industri minyak sawit domestik mampan menerusi penggunaan efektif sumber yang tidak digunakan daripada kilang minyak sawit di negara ini.

JGC dan Gas Malaysia dalam satu kenyataan bersama kelmarin berkata, Gas Malaysia akan menyediakan maklumat mengenai kilang yang mempunyai akses kepada sumber bahan mentah di Semenanjung Malaysia, biotena-ga serta rangkaian pengedaran gas asli.

Sementara itu, JGC dan JANUS akan mengkaji penyelesaian yang diperlukan untuk menukarkan buangan kilang kelapa sawit industri (POME), tandan buah kosong (EFB) dan kayu yang ditipis atau sisa kepada biofuel dan

biokimia.

"Kajian bersama itu akan digabungkan dengan Inisiatif Asia Zero Emission Community (AZEC) seperti yang diumumkan oleh kerajaan Jepun pada 2022," katanya.

Menurut kenyataan itu, projek tersebut akan mengkaji daya maju menukarkan sumber metane POME dan EFB kepada bahan api biometana dan bahan api pelet melalui pemulihan dan pemrosesan.

Ia berkata, kajian juga akan dilakukan bagi potensi penggunaan minyak biokrud dan biokimia untuk kayu yang ditipis dan terbuang.

"Rantai bekalan juga akan dikaji dengan satu aspek sebagai kaedah optimum untuk membekalkan bahan api kepada perkhidmatan am kecil di Malaysia melalui pencairan bahan api bio," katanya.

Menurutnya, penyelidikan itu akan dilanjutkan kepada penggunaan kredit karbon, pensijilan biometana dan sistem lain yang meningkatkan nilai mampan mana-mana produk yang terhasil daripada projek itu.

Dalam menyokong agenda dan aspirasi kerajaan untuk mencapai pelepasan gas rumah hijau (GHG) bersih-sifar, Gas Malaysia terus menggerakkan matlamat negara dengan tanggungjawab untuk meningkatkan ekonomi Malaysia dan membuka pasaran pertumbuhan baharu, terutamanya dalam industri rendah karbon.

"Usaha itu adalah sebahagian daripada strategi Gas Malaysia untuk mengembangkan perniagaan kami di samping rantai nilai gas. Dengan inisiatif ini, ia akan membolehkan Gas Malaysia menjadi pemangkin bagi penggunaan gas hijau yang lebih meluas," katanya. - Bernama

**“ Kajian bersama itu akan digabungkan dengan Inisiatif Asia Zero Emission Community (AZEC) seperti yang diumumkan oleh kerajaan Jepun pada 2022. ”**  
**-JGC dan Gas Malaysia**